



SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

BLOK F9

Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

2021-2025

BLOK F9

Ringkasan Eksekutif

PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

2021-2025

Diterbitkan oleh:

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

ARAS 1-4, BLOK F9, KOMPLEKS F,
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1,
62000 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat jua, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Bahagian Pengurusan Maklumat, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan.

ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN SETIAUSAHA	iii
PRAWACANA KETUA PEGAWAI DIGITAL	v
PENGENALAN	1
STRUKTUR TADBIR URUS PROJEK	2
VISI DAN MISI SPP	3
FUNGSI SPP	4
OBJEKTIF DAN TERAS STRATEGIK SPP	5
VISI DAN MISI PENDIGITALAN	6
TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN	7
PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SPP DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025	8
TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN	9
PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN	14
FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL	25
PENUTUP	26



Md Radzi bin Hashim

Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

PERUTUSAN SETIAUSAHA

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) adalah agensi yang bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) dalam perkhidmatan pelajaran dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan. Dengan slogan “Dinamik, Efektif dan Berintegriti”, SPP komited terhadap usaha penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai harapan pelanggan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, SPP perlu lebih bersedia mempersiapkan infrastruktur dan infostruktur digital sebagai usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat selaras dengan perkembangan teknologi digital semasa. Penyediaan dokumen Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) SPP 2021 – 2025 diharap dapat menjadi rujukan dan panduan dalam pengurusan pelaksanaan projek dan program pendigitalan di SPP.

Pelan ini menyediakan perancangan pendigitalan SPP untuk tempoh lima (5) tahun yang mengandungi empat (4) teras strategik pendigitalan iaitu aplikasi, infrastruktur dan keselamatan ICT, tadbir urus dan pembudayaan ICT. Teras pendigitalan ini adalah sejajar dengan lima (5) fokus strategik di bawah Pelan Strategik SPP 2021-2025. Diharap agar dokumen ini mampu membawa pembaharuan dalam mendigitalisasikan proses kerja di SPP seiring dengan penerima gunaan teknologi baharu dan transformasi digital Sektor Awam.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada seluruh barisan pengurusan dan warga SPP serta pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di atas komitmen, bimbingan dan bantuan yang diberikan dalam menghasilkan PSP ini. Saya berharap agar semua pihak dapat bersama-sama menjayakan segala program yang dirancang selaras dengan peranan SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan di Malaysia.

Semoga usaha dan komitmen yang telah diberikan mendapat ganjaran yang setimpal dari Allah SWT. In Sha Allah.

Sekian, terima kasih.



Ahmad Tarmizi bin Zakaria

Ketua Pegawai Digital (CDO)
Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

PRAWACANA

KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan SPP 2021-2025 ini.

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) merupakan *blueprint* ICT yang menjelaskan mengenai visi, misi, objektif, hala tuju strategik dan rangka kerja ICT bagi penyediaan perancangan ICT untuk tempoh 5 tahun. Perancangan yang teliti dan strategik merupakan kunci kepada kejayaan dalam setiap program yang dirancang.

Berdasarkan strategi yang disusun di dalam pelan ini ia berupaya memperkasakan perkhidmatan ICT SPP, mengoptimumkan perkongsian data dengan lebih komprehensif ke arah sistem penyampaian yang lebih efisien dan selamat. Dokumen ini disusun untuk dijadikan panduan kepada warga SPP dalam memastikan pelaksanaan projek dan program pendigitalan adalah sejajar dengan hasrat jabatan, pemegang taruh dan pelanggan SPP yang kebanyakannya adalah golongan belia yang mencari pekerjaan.

Saya amat menyokong usaha memperkasakan ICT untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian kepada rakyat. SPP perlu sentiasa meningkatkan usaha-usaha untuk menyediakan sistem aplikasi yang dapat memudahkan pengguna dengan infrastruktur yang baik dan selamat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa di tahap optimum .

SPP komited untuk bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan untuk memastikan visi dan misi yang ditetapkan di dalam pelan strategik ini dapat direalisasikan.

Sekian, terima kasih.

PENGENALAN

Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) merupakan perancangan pelaksanaan inisiatif ICT yang disediakan secara dalaman oleh Pasukan Pengurusan Projek PSP yang diketuai oleh Timbalan Setiausaha Pengurusan dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) SPP.

PSP merupakan *blueprint* ICT yang menjelaskan mengenai visi, misi, objektif, hala tuju strategik dan rangka kerja ICT bagi penyediaan perancangan ICT untuk tempoh 5 tahun dan pemantauan adalah secara tahunan selaras dengan visi, misi dan objektif SPP. Pelan ini memberi penekanan kepada pengukuhan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan bagi mendaya upaya sistem penyampaian yang berimpak tinggi. Mulai tahun 2020, pihak MAMPU telah membuat penjenamaan semula Pelan Strategik ICT (PSICT) kepada Pelan Strategik Pendigitalan (PSP).




Pembangunan PSP adalah berdasarkan kepada keperluan perkhidmatan digital yang merangkumi empat domain utama iaitu :

- sistem aplikasi dan data;
- infrastruktur ICT (pusat data, rangkaian, keselamatan, peralatan dan perisian);
- keupayaan ICT (kompetensi, pembudayaan dan pengiktirafan ICT) ; dan
- tadbir urus ICT

Metodologi pembangunan PSP ini adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU dan disejajarkan dengan Metodologi MyGovEA.

STRUKTUR TADBIR URUS PROJEK



VISI DAN MISI SPP



VISI

Pihak berkuasa melantik yang berwibawa dan mampan bagi perkhidmatan pendidikan.

MISI

Melantik bakat yang terbaik berteraskan sistem pengurusan yang holistik.



FUNGSI SPP

Suruhanjaya bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam perkhidmatan pelajaran dengan menjalankan tugasnya mengikut Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan iaitu :

01

MELANTIK

Melantik calon ke jawatan tetap, kontrak atau sementara dalam perkhidmatan pendidikan

02

MENGESAHKAN

Mengesahkan dalam perkhidmatan anggota yang dilantik tetap

03

MEMASUKKAN KE DALAM PERJAWATAN TETAP ATAU PERJAWATAN BERPENCEN

Meluluskan pemberian taraf berpencen ke atas anggota yang dilantik tetap dan disahkan dalam perkhidmatan

04

MENAIKAN PANGKAT

Kawalan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan pendidikan melalui Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat

05

MENUKARKAN

Meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan

06

MENJALANKAN KAWALAN TATATERTIB

Berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib dan Lembaga Rayuan Tatatertib perkhidmatan pendidikan

OBJEKTIF DAN TERAS STRATEGIK SPP

OBJEKTIF

Memastikan kuasa-kuasa di bawah perkara 144 (1) perlembagaan persekutuan dalam urusan pelantikan, perkhidmatan, tatatertib dan naik pangkat dilaksanakan dengan lebih efisien dan efektif.





VISI DAN MISI PENDIGITALAN



VISI

Pendigitalan sebagai pemangkin strategik modal insan perkhidmatan pendidikan yang berwibawa dan mampan



MISI

Melestarikan pendigitalan ke arah peningkatan mutu penyampaian perkhidmatan

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN

TERAS 1

**PEMERKASAAN
SISTEM
PENYAMPAIAN
PENDIDIKAN SECARA
KOMPREHENSIF &
BERSEPADU**

TERAS 2

**PEMERKASAAN
INFRASTRUKTUR DAN
KESELAMATAN KE
ARAH PENDIGITALAN
YANG MAMPAN,
CEKAP DAN
SELAMAT**

TERAS 3

**PENGOPTIMUMAN
KEUPAYAAN
SUMBER ICT**

TERAS 4

**PEMANTAPAN
DASAR DAN
TADBIR URUS ICT**

OBJEKTIF


Membangunkan sistem penyampaian digital selaras dengan teknologi terkini.

Menyedia dan meningkatkan keupayaan infrastruktur digital berasaskan teknologi baharu yang relevan dan selamat.

Memperkuhkan inisiatif pembudayaan dan pengurusan perubahan bagi meningkatkan penggunaan perkhidmatan digital.

Memantapkan pengurusan ICT ke arah tadbir urus yang berprestasi tinggi.

PENJAJARAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SPP DENGAN TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025



TERAS STRATEGIK, STRATEGI DAN PROGRAM PENDIGITALAN

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3	TERAS 4
PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PENDIDIKAN SECARA KOMPREHENSIF & BERSEPADU	PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN KE ARAH PENDIGITALAN YANG MAMPAN, CEKAP DAN SELAMAT	PENGOPTIMUMAN KEUPAYAAN SUMBER ICT	PEMANTAPAN DASAR DAN TADBIR URUS ICT
STRATEGI			
S1 Pembangunan Aplikasi Digital Mampun dan Holistik S2 Pengukuhan Aplikasi Teras dan Sokongan Sedia Ada S3 Pengukuhan Gerbang Penyampaian Digital S4 Pengukuhan Pengurusan dan Penyelarasan Data	S1 Pengukuhan Infrastruktur ICT S2 Pengukuhan Tahap Keselamatan ICT S3 Naik Taraf Pusat Data BPM SPP	S1 Pemantapan Penggunaan Media Sosial Rasmi Jabatan S2 Pemerkasaan Budaya Digital dan Inovasi di SPP S3 Pembentukan Modal Insan yang Berkemahiran Tinggi	S1 Pengukuhan Modal Insan Pengurusan ICT S2 Perancangan Pengurusan Kewangan ICT yang Komprehensif S3 Pemantapan Dasar dan Garis Panduan Prosedur dan Dokumentasi ICT S4 Pengukuhan Proses Kerja dan Pengurusan ICT
4 STRATEGI 11 PROGRAM	3 STRATEGI 8 PROGRAM	3 STRATEGI 4 PROGRAM	4 STRATEGI 9 PROGRAM

4
TERAS

14
STRATEGI

32
PROGRAM

TERAS 1

PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PENDIDIKAN SECARA KOMPREHENSIF & BERSEPADU

4
STRATEGI

11
PROGRAM

STRATEGI 1	STRATEGI 2	STRATEGI 3	STRATEGI 4
PEMBANGUNAN APLIKASI DIGITAL YANG MAMPAN DAN HOLISTIK	PENGUKUHAN APLIKASI TERAS DAN SOKONGAN SEDIA ADA	PENGUKUHAN GERBANG PENYAMPAIAN DIGITAL	PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENYELARASAN DATA
PROGRAM			
<p>P1 Pembangunan sistem Pengambilan dan Perkhidmatan SPP yang holistik (Transformasi eSPP)</p> <p>P2 Pembangunan Sistem Carian Fail (iSCAF)</p> <p>P3 Pembangunan Semula Sistem Pengambilan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP)</p> <p>P4 Pembangunan aplikasi dalaman</p>	<p>P1 Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Urusan Pengambilan dan Perkhidmatan (eSPP)</p> <p>P2 Pengukuhan aplikasi teras dan sokongan sedia ada</p> <p>P3 Pelaksanaan aplikasi Generik di SPP (SPA, DDMS)</p>	<p>P1 Perkhidmatan Memperbaharui Jaminan <i>Framework</i> Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan</p> <p>P2 Pembangunan Portal SPP baharu</p> <p>P3 Pengukuhan sistem hebahan/ penyampaian SPP</p>	<p>P1 Penyelarasan data bersama agensi berkaitan</p>
4 PROGRAM	3 PROGRAM	3 PROGRAM	1 PROGRAM

TERAS 2

PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN KE ARAH PENDIGITALAN YANG MAMPAN, CEKAP DAN SELAMAT

3
STRATEGI

7
PROGRAM

STRATEGI 1	STRATEGI 2	STRATEGI 3
PENGUKUHAN INFRASTRUKTUR ICT	PENGUKUHAN TAHAP KESELAMATAN ICT	NAIK TARAF PUSAT DATA BPM SPP
PROGRAM		
<p>P1 Pengurusan Peralatan ICT SPP</p> <p>P2 Perolehan dan pembaharuan lesen perisian</p> <p>P3 Penyelenggaraan dan pembaharuan perisian keselamatan SPP</p>	<p>P1 Melaksanakan <i>security Posture Assessment</i> ke atas sistem utama dan rangkaian SPP secara tahunan dan latihan kepada pegawai keselamatan ICT</p> <p>P2 Perolehan perkhidmatan <i>Endpoint Detection and Response</i> (EDR)</p>	<p>P1 Perolehan Sistem Kawalan Persekitaran (EMS)</p> <p>P2 Perolehan CCTV</p>
3 PROGRAM	2 PROGRAM	2 PROGRAM

TERAS 3

PENGOPTIMUMAN KEUPAYAAN SUMBER ICT

3
STRATEGI

4
PROGRAM

STRATEGI 1	STRATEGI 2	STRATEGI 3
<p>PEMANTAPAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL RASMI JABATAN</p>	<p>PEMERKASAAN BUDAYA DIGITAL DAN INOVASI DI SPP</p>	<p>PEMBENTUKAN MODAL INSAN YANG BERKEMAHIRAN TINGGI</p>
PROGRAM		
<p>P1 Hebahan pembudayaan ICT yang interaktif dan pelbagai</p>	<p>P1 Memupuk budaya kerja digital yang kreatif dan inovatif</p> <p>P2 Program celik ICT</p>	<p>P1 Program pensijilan profesional ICT</p>
<p>1 PROGRAM</p>	<p>2 PROGRAM</p>	<p>1 PROGRAM</p>

TERAS 4


PEMANTAPAN DASAR DAN TADBIR URUS ICT

4
STRATEGI

10
PROGRAM

STRATEGI 1	STRATEGI 2	STRATEGI 3	STRATEGI 4
PENGUKUHAN MODAL INSAN PENGURUSAN ICT	PERANCANGAN PENGURUSAN KEWANGAN ICT YANG KOMPREHENSIF	PEMANTAPAN DASAR DAN GARIS PANDUAN PROSEDUR DAN DOKUMENTASI ICT	PENGUKUHAN PROSES KERJA DAN PENGURUSAN ICT
PROGRAM			
<p>P1 Semakan semula keperluan struktur perjawatan berdasarkan fungsi dan deskripsi tugas gred jawatan kumpulan P&P dan kumpulan sokongan bagi Skim Teknologi Maklumat</p>	<p>P1 Kajian keperluan unjuran kewangan ICT berdasarkan kemajuan teknologi terkini</p>	<p>P1 Penyediaan proses kerja baharu bagi cadangan Transformasi eSPP</p> <p>P2 Semakan semula Polisi Keselamatan Siber</p> <p>P3 Pemerkasaan Garis Panduan Proses Kerja aplikasi dalaman SPP (eg: eSPP, ePROPER, dll)</p> <p>P4 Pemusatan dokumentasi SPP (eg: data & kertas MSJ), dll</p> <p>P5 Penyediaan terma rujukan (TOR) bagi jawatankuasa sedia ada</p> <p>P6 Melaksanakan ISMS mengikut keperluan terkini ISO/IEC 27001: 2022</p>	<p>P1 Pengwujudan pasukan audit ICT dalaman</p> <p>P2 Penambahbaikan pengurusan penggunaan kemudahan ICT</p>
1 PROGRAM	1 PROGRAM	6 PROGRAM	2 PROGRAM

PELAN TINDAKAN DAN PELAKSANAAN



**TERAS
1**

**PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PENDIDIKAN
SECARA KOMPREHENSIF & BERSEPADU**

STRATEGI 1: Pembangunan aplikasi digital mampan dan holistik

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Pembangunan Sistem Pengambilan dan Perkhidmatan SPP yang holistik (Transformasi eSPP)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen draf permulaan projek • Bajet RMKe-12 diluluskan • Proses perolehan diselesaikan • Pembangunan sistem 	2022 - 2025	Semua Bahagian
P2 : Pembangunan semula Sistem Carian Fail (iSCAF)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen Draf permulaan projek • Kelulusan JPICT • Proses perolehan selesai • Pembangunan semula sistem iSCAF • Sistem beroperasi 	2023 - 2024	U, PM
P3 : Pembangunan semula Sistem Pengambilan bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (mySPP)	<ul style="list-style-type: none"> • Dokumen Draf permulaan projek • Kelulusan JPICT • Proses perolehan selesai • Pembangunan semula sistem MySPP • Sistem beroperasi 	2022 - 2023	P, PM
P4 : Pembangunan aplikasi dalaman	Dua (2) aplikasi dibangunkan secara <i>inhouse</i>	2021 - 2025	Semua Bahagian

**TERAS
1**

**PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PENDIDIKAN
SECARA KOMPREHENSIF & BERSEPADU**

STRATEGI 2: Pengukuhan aplikasi teras dan sokongan sedia ada

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Penyelenggaraan Sistem Aplikasi Urusan Pengambilan dan Perkhidmatan (eSPP)	Sistem berfungsi dengan baik	2021 - 2025	P, K, PM
P2 : Pengukuhan aplikasi teras dan sokongan sedia ada	Sistem berfungsi dengan baik	2021 - 2025	P, K, U, PM
P3 : Pelaksanaan aplikasi Generik di SPP (SPA, DDMS)	Sistem berfungsi dengan baik	2021 - 2025	U, PM

STRATEGI 3: Pengukuhan gerbang penyampaian digital

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Perkhidmatan Memperbaharui Jaminan <i>Framework</i> Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	Portal berfungsi dengan baik	2021 - 2025	U, PM
P2 : Pembangunan Portal SPP baharu	Portal SPP beroperasi	2023 - 2025	U, PM
P3 : Pengukuhan sistem hebahan/penyampaian SPP	Penyampaian hebahan kepada pemohon	2021 - 2025	P, PM

STRATEGI 4: Penguatan pengurusan dan penyelarasan data

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Penyelarasan data bersama agensi berkaitan	Persetujuan dan pelaksanaan integrasi bersama agensi yang terlibat	2022 - 2025	P, K, NT, D, PM

**TERAS
2**

PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR DAN KESELAMATAN KE ARAH PENDIGITALAN YANG MAMPAN, CEKAP DAN SELAMAT

STRATEGI 1: Pengukuhan infrastruktur ICT

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Pengurusan peralatan ICT SPP a) Menggantikan peralatan yang berusia 10 tahun	Penggantian kepada server sedia ada di Pusat data SPP dan sistem utama (MySPP dan eSPP)	2021 - 2025	PM
b) Perolehan Peralatan ICT bagi Tempoh Tiga (3) Tahun untuk Kegunaan Temu Duga dan Latihan ICT	Sewaan peralatan ICT untuk urusan Temu duga dan Bilik latihan	2022 - 2024	PM
c) Perolehan sewaan perkhidmatan membekal, menghantar, mengkonfigurasi, menguji, mentauliah dan menyelenggara peralatan ICT secara sewa guna bagi tempoh tiga (3) Tahun di SPP	Sewaan bagi peralatan asas ICT untuk kegunaan Pegawai SPP	2021 - 2025	PM
d) Perolehan Perkhidmatan Peralatan Sidang Video bagi Bilik Mesyuarat di SPP	Dua (2) unit Peralatan Sidang Video bagi Bilik Mesyuarat Utama dan Majlis di luar SPP	2023 - 2024	PM, U
e) Perolehan aksesori ICT SPP	Perolehan dilaksanakan setiap tahun mengikut keperluan	2021 - 2025	PM

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P2 : Perolehan dan pembaharuan lesen perisian a) Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Perisian <i>Webex Meeting</i>	Pembaharuan lesen <i>Webex</i> tertakluk kepada keperluan	2021 - 2025	PM
b) Perolehan Perkhidmatan Memperbaharui Lesen Perisian <i>Adobe Creative Cloud</i>	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
c) Perolehan Lesen VPN	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
d) Perolehan lesen <i>MS Project</i>	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
e) Perolehan lesen perisian multimedia	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
f) Perolehan lesen Dewan Eja	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
g) Perolehan lesen <i>Coldfusion</i>	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM
h) Perolehan perisian rangkaian	Pembaharuan lesen sedia ada dilaksanakan	2021 - 2025	PM

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
<p>P3 : Penyelenggaraan dan pembaharuan perisian keselamatan SPP</p> <p>a) Perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Pusat Data SPP</p>	Penyelenggaraan Pusat Data dilaksanakan setiap 2 tahun	2021 - 2025	PM
<p>b) Perolehan Perkhidmatan Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Berserta Penyelenggaraan <i>Firewall</i> di Ibu Pejabat SPP Putrajaya, SPP Urus Setia Cawangan Sabah dan SPP Urus Setia Cawangan Sarawak serta Perolehan Lesen Perisian <i>Web Application Firewall</i> (WAF)</p>	Pembaharuan dan Penyelenggaraan <i>Firewall</i> dilaksanakan setiap tahun	2021 - 2025	PM
<p>c) Perolehan Perkhidmatan Pembelian Lesen Perisian <i>Microsoft Windows Server</i></p>	Perolehan lesen Perisian <i>Microsoft Windows Server</i>	2021 - 2025	PM
<p>d) Perolehan peralatan <i>firewall</i> baharu untuk Sabah dan Sarawak</p>	Penggantian <i>firewall</i> di Sabah dan Sarawak	2024 - 2025	PM
<p>e) Menaiktaraf keselamatan sistem SPP</p>	Perkhidmatan WIFI <i>Controller</i> dan VPN dilaksanakan	2023 - 2024	PM
<p>f) Perolehan <i>Centralize Management Software</i> (CMS)</p>	CMS dilaksanakan	2024 - 2025	PM

STRATEGI 2: Pengukuhan tahap keselamatan ICT

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Melaksanakan <i>Security Posture Assessment</i> ke atas sistem utama dan rangkaian SPP secara tahunan dan latihan kepada pegawai keselamatan ICT	Perkhidmatan SPA dilaksanakan	2024 - 2025	PM
P2 : Perolehan perkhidmatan <i>Endpoint Detection and Response</i> (EDR)	Perkhidmatan EDR dilaksanakan	2023	PM

STRATEGI 3: Naik taraf pusat data BPM SPP

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Perolehan Sistem Kawalan Persekitaran (EMS)	Perkhidmatan EMS dilaksanakan	2023	PM
P2 : Perolehan CCTV	Pemasangan CCTV tertakluk kepada keperluan	2024 - 2025	PM

TERAS
3

PENGOPTIMUMAN KEUPAYAAN SUMBER ICT

STRATEGI 1: Pemantapan penggunaan media sosial rasmi jabatan

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Hebahan pembudayaan ICT yang interaktif	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan jumlah perkongsian dan bilangan <i>follower media social</i> • Platform hebahan yang pelbagai dan interaktif 	2021 - 2025	U, PM

STRATEGI 2: Pemerksaan budaya digital dan inovasi di SPP

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Memupuk budaya kerja digital yang kreatif dan inovatif	Penganjuran program sebanyak dua kali	2021 - 2025	U, PM
P2 : Program celik ICT	Penganjuran program sebanyak tiga kali	2021 - 2025	U, PM

STRATEGI 3: Pembentukan modal insan yang berkemahiran tinggi

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Program pensijilan profesional ICT	Dua orang pegawai BPM mendapat pentauliahian kepakaran	2021 - 2025	PM

TERAS
4

PEMANTAPAN DASAR DAN TADBIR URUS ICT

STRATEGI 1: Pengukuhan modal insan pengurusan ICT

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Semakan semula keperluan struktur perjawatan berdasarkan fungsi dan deskripsi tugas gred jawatan kumpulan P&P dan kumpulan sokongan bagi Bahagian Pengurusan Maklumat	Permohonan dikemukakan ke Bahagian Pembangunan Organisasi, JPA	2023	U

STRATEGI 2: Perancangan pengurusan kewangan ICT yang komprehensif

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Kajian keperluan unjuran kewangan ICT berdasarkan kemajuan teknologi terkini	Satu kajian keperluan unjuran kewangan telah disediakan	2022 - 2025	U, PM

STRATEGI 3: Pemantapan dasar, garis panduan, prosedur dan dokumentasi ICT

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Penyediaan proses kerja baharu bagi cadangan Transformasi eSPP	Dokumentasi Prosedur Kerja Bahagian	2022 - 2025	Semua Bahagian
P2 : Semakan semula Polisi Keselamatan Siber	Polisi Keselamatan Siber 2.0	2023 - 2025	PM
P3 : Pemerkasaan Garis Panduan Proses Kerja aplikasi dalam SPP (Contoh: eSPP, ePROPER dan lain-lain)	Garis Panduan Proses Kerja aplikasi dalam SPP (Contoh: eSPP, ePROPER dan lain-lain)	2022 - 2025	Semua Bahagian
P4 : Pemusatan dokumentasi SPP (Contoh: data, kertas MSJ dan lain-lain)	Satu platform 'single access' untuk capaian dokumentasi SPP (<i>in-house</i>)	2022 - 2025	Semua Bahagian
P5 : Penyediaan terma rujukan (TOR) bagi jawatankuasa sedia ada	Terma rujukan (TOR) yang telah dikemaskini	2021 - 2025	PM
P6 : Melaksanakan ISMS mengikut keperluan terkini ISO/IEC 27001: 2022	Dokumentasi selesai	2024 - 2025	PM

STRATEGI 4: Pengukuhan Proses Kerja dan Pengurusan ICT

PROGRAM	SASARAN/KPI	TEMPOH	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
P1 : Pewujudan pasukan audit ICT dalam	Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalam Pengurusan ICT	2023 - 2024	PM
P2 : Penambahbaikan pengurusan penggunaan kemudahan ICT	Penambahbaikan modul tempahan bilik mesyuarat di sistem e-OPES (<i>in-house</i>)	2023 - 2024	U, PM



FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL

Faktor kejayaan kritikal yang dapat menjayakan pelaksanaan *blueprint* ini adalah :-

- sokongan dari pihak pengurusan atasan,
- sumber kewangan,
- teknologi,
- pengetahuan dan kepakaran; serta
- kerjasama di antara semua bahagian; dan
- kerjasama pemegang taruh yang terlibat dalam pelaksanaan pendigitalan dan sistem penyampaian di SPP.

Melalui komitmen dan kerjasama daripada semua pihak diharapkan supaya semua program yang dirancang dapat dilaksanakan dan memberi impak yang positif kepada agensi dan rakyat.



PENUTUP



PSP SPP 2021-2025 merupakan satu dokumen blueprint yang mengandungi visi, misi, objektif pendigitalan, empat (4) teras strategik, 14 strategi dan 32 program yang telah dirancang bersama dan akan dilaksanakan untuk tempoh lima (5) tahun. Pelbagai langkah strategik telah dirancang bagi melaksanakan program pendigitalan di SPP selaras dengan hasrat dan matlamat ke arah Kerajaan Digital berlandaskan Pelan Strategik SPP 2021-2025 dan PSP Sektor Awam 2021-2025.

Pelan ini membantu pihak pengurusan untuk memandu hala tuju pendigitalan di SPP serta meningkatkan keupayaan bagi merealisasikan matlamat pendigitalan SPP dengan jayanya. SPP sebagai Pihak Berkuasa Melantik bagi perjawatan di bawah Skim Perkhidmatan Pendidikan perlu mengadaptasikan teknologi baharu yang berasaskan pendigitalan dalam sistem penyampaian selaras dengan keperluan pelanggan SPP yang kebanyakannya adalah generasi digital.

BLOK F9



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN

**ARAS 1-4, BLOK F9, KOMPLEKS F,
LEBUH PERDANA TIMUR, PRESINT 1,
62000 PUTRAJAYA, MALAYSIA.**